



**PRIHATIN:** Samasudin mengagihkan bakul bantuan kepada mangsa kebakaran dengan dibantu Samsudin (memakai topi).

# UMS sumbang 78 bakul bantuan kepada mangsa kebakaran

Kit pembersihan diri, barangan keperluan asas menyambut Ramadan  
UB 13.03.2024 P.04

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyumbangkan 78 bakul bantuan kepada mangsa kebakaran Kg. Tanjung Batu Laut Logpond, Tawau di Dewan Kompleks Sukan Tawau, kelmarin.

Kandungan bakul bantuan terdiri daripada kit pembersihan diri serta barangan keperluan asas menyambut Ramadan.

La hasil sumbangan Hospital Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf (CIEW), Pusat Islam UMS, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), warga UMS serta orang perseorangan.

Proses penghantaran serahan sumbangan diusahakan oleh Bahagian Keselamatan UMS diketuai Ketuanya, Kolonel (Kes) Abdul Talib Arifin; Kelab Sukarelawan



**SUMBANGAN:** Nur Syafiqah dan Muhd Iqmal menerima sumbangan yang disampaikan oleh Samasudin.

Pacuan Empat Roda UMS (UMS 4WDVC) diketuai Presidennya, Prof. Datuk Dr.

D Kamarudin D Mudin dan HUMS diwakili Timbalan Pengarah Pengurusan dan

Operasi, Samsudin Nurudin.

Sumbangan diserahkan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMS, Samasudin Yusop dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof kepada Pegawai Pertahanan Awam Daerah Tawau, Kapten PA Japli Siping untuk diagihkan kepada mangsa terlibat.

Sementara itu, antara mangsa yang turut terkesan dengan musibah yang berlaku pada 6 Mac lalu ialah dua pelajar UMS.

Mereka ialah pelajar tahun satu Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Nur Syafiqah Amani Abri dan pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Muhd Iqmal Hamsah.

Kedua-dua mereka menerima sumbangan tunai daripada JHEP untuk membantu meringankan beban kewangan.